

## Bab 4 : Analisis data.

### Pendahuluan

Kajian ini bertujuan melihat tahap kebolehan atau kesedaran metakognisi penulisan pelajar (metapenulisan) Di samping itu, kajian ini juga ingin melihat korelasi antara tahap kebolehan metapenulisan pelajar dengan pencapaian dalam penulisan karangan serta korelasi antara pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu PMR dengan kebolehan metapenulisan mereka. Selain itu, kajian juga akan melihat korelasi antara variabel-veriabel yang disebutkan tadi mengikut kaum. Analisis dibuat mengikut soalan kajian.

### Analisis Dapatkan Kajian.

1. Apakah tahap kebolehan metapenulisan di kalangan pelajar?

Jadual 5

#### Tahap Metapenulisan Karangan di Kalangan Pelajar

Tahap	Kebolehan metapenulisan				Pemantauan dan pengendalian
	Pengetahuan metapenulisan	Diri	Tugas	Strategi	
Rendah	0 % (0)	12.5 % (10)	6.3 % (5)	0 % (0)	6.3 % (5)
Tinggi	78.8 % (63)	31.3 % (25)	33.8 % (27)	27.5 % (22)	56.3 % (45)
Sangat Tinggi	16.3 % (13)	56.3 % (27)	60.0 (48)	72.5% (58)	37.5 % (30)
Jumlah	100 % (80)	100 % (80)	100 % (80)	100 % (80)	100 % (80)

Daripada jadual 5 iaitu tahap metapenulisan pelajar secara keseluruhan (lajur 7) dapat dilihat bahawa tiada pelajar yang rendah tahap metapenulisannya, 37.5 % (30) pelajar berada pada tahap yang tinggi dan 62.5 % (50) pelajar tahap metapenulisannya sangat tinggi. Dengan ni nampaknya tahap metapenulisan adalah sangat tinggi.

**1.a. Apakah tahap pengetahuan metapenulisan di kalangan pelajar ?**

Jika dilihat tahap pengetahuan metapenulisan pelajar daripada jadual 5 (lajur 5), tiada pelajar yang tahap pengetahuan metapenulisannya rendah, 27.5 % (22) pelajar pula tahap pengetahuan metapenulisannya tinggi dan 72.5 % (58) pula sangat tinggi. Ini bermakna pelajar mempunyai pengetahuan metapenulisan karangan mereka yang sangat tinggi juga sebagaimana tahap metapenulisan.

Tahap pengetahuan metapenulisan pelajar ini boleh dilihat secara lebih terperinci lagi iaitu dengan melihat tahap bagi subkategori pengetahuan metapenulisan iaitu pengetahuan terhadap diri, tugas dan strategi. Ini boleh dilihat daripada analisis dapatan kajian daripada jadual 5 (lajur 2, 3 dan 4 ) berdasarkan soalan kajian 1. a. i, 1. a. ii dan 1. a. iii yang berikut ini.

**1.a.i. Apakah tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri di kalangan pelajar?**

Jadual 5 (lajur 2) menunjukkan tiada pelajar yang tahap pengetahuan metapenulisan terhadap dirinya rendah. Bagi pelajar yang mempunyai tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri yang tinggi dan sangat tinggi pula masing-masing sebanyak 78.8 % (63) dan 16.3 % (13). Ini pula telah memperlihatkan bahawa tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap diri adalah tinggi dan bukannya sangat tinggi sebagaimana tahap metapenulisan secara keseluruhan dan tahap pengetahuan metapenulisan sebagaimana yang telah disebutkan tadi.

Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri pelajar ini boleh dilihat dengan lebih terperinci berdasarkan skor pengetahuan metapenulisan terhadap diri yang didapat daripada proses seperti yang diterangkan dalam bab tiga. Dengan merujuk kepada jadual 5. a. i. dapat dilihat bahawa 43.8% (35) pelajar bertahap sangat tinggi, 46.3% (37) bertahap tinggi, dan hanya 10.0% (8) pelajar bertahap rendah pengetahuan metapenulisan terhadap diri tentang minat terhadap penulisan. Perangkaan ini memberi gambaran

bahawa pengetahuan metapenulisan terhadap diri di kalangan pelajar secara keseluruhannya adalah sangat tinggi. Sungguhpun demikian masih terdapat segelintir pelajar yang rendah tahap pemgetahuan terhadap diri mereka.

Jadual 5. a.i

Tahap Pengetahuan Metapenulisan Pelajar Terhadap Diri.

Aspek metapenulisan pelajar terhadap diri (person)	Tahap pengetahuan metapenulisan pelajar dalam penulisan			
	R	T	ST	Jumlah
Pengetahuan tentang minat terhadap penulisan	10.0 % (8)	46.3 % (37)	43.8 % (35)	100 % (80)
Pengetahuan tentang kebolehan dalam penulisan (ekspositori)	6.3 % (5)	52.5 % (42)	41.3 % (33)	100 % (80)
Pengetahuan tentang kebolehan dalam penulisan (deskriptif)	5.0 % (4)	40.0 % (32)	55 % (44)	100 % (80)

Sementara pengetahuan metapenulisan terhadap diri tentang pencapaian dalam penulisan karangan jenis ekspositori pula, 93.8% (75) bertahap tinggi dan sangat tinggi, dan hanya 6.3 % (5) sahaja bertahap rendah. Sementara itu, dapatan juga menunjukkan peratus tertinggi bagi pengetahuan terhadap diri tentang pencapaian dalam penulisan jenis deskriptif adalah 55% (44) bagi yang sangat tinggi tahap pengetahuan tentang prestasi. 40.0% (32) pula bagi yang bertahap tinggi, dan hanya 5.0% (4) bertahap rendah.

Oleh yang demikian, ini membayangkan bahawa pengetahuan tentang prestasi pelajar secara keseluruhannya adalah agak tinggi. Keseluruhan inferensi yang boleh dibuat berdasarkan dapatan ini adalah tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri di kalangan pelajar adalah tinggi sebagaimana yang dilaporkan sebelum ini dalam jadual 5 (lajur 2) iaitu dapatan tahap metapenulisan terhadap diri secara keseluruhan.

1.a.ii. Apakah tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas (task) di kalangan pelajar?

Merujuk semula kepada jadual 5 (lajur 3), dapat dilihat bahawa tiada pelajar yang tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas yang sangat rendah dan hanya 12.5 % (10) pelajar pula pada tahap rendah. Sementara itu, 31.3 % (25) pelajar pula

tinggi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas. Peratus yang tertinggi pula dicatatkan bagi pelajar yang tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas yang sangat tinggi iaitu 56.3 % (45) pelajar. Ini menunjukkan seolah-olah tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap tugas adalah sangat tinggi dan ini juga memberi gambaran bahawa sebahagian besar pelajar tahu tentang tugas-tugas penulisan.

Secara terperincinya aspek pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap tugas ini boleh juga dilihat berdasarkan respon pelajar terhadap item-item soal selidik di bahagian II iaitu item 2, 3, 5.ii, 5.iv, 5.v dan 9.ii. yang mengukur tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas tersebut. Ini dapat ditunjukkan dalam jadual 5.a.ii yang berikut:

**Jadual 5.a.ii:**  
**Tahap Pengetahuan Metakognisi Pelajar Terhadap Tugas**

Aspek pengetahuan metapenulisan terhadap tugas	Tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap tugas				
	STS	TS	S	SS	JUM
Tahu bahawa karangan mempunyai pelbagai format	0 % (0)	8.8 % (7)	42.5 % (34)	48.8 % (39)	100 % (80)
Tahu bahawa karangan mempunyai pelbagai jenis	0 % (0)	6.3 % (5)	32.5 % (26)	61.3 % (49)	100 % (80)
Meneliti kehendak tajuk sebelum menulis karangan	1.3 % (1)	12.5 % (10)	51.5 % (41)	35 % (28)	100 % (80)
Pastikan audien (pembaca) kerangan sebelum menulis	10 % (8)	37.5 % (30)	43.8 % (35)	8.8 % (7)	100 % (80)
Yakin bahawa karangan yang dipilih ada banyak isi	2.5% (2)	22.5 % (18)	55 % (44)	20 % (16)	100 % (80)
Merasakan bahawa pendahuluan sangat penting bagi sesebuah karangan	1.3% (1)	12.5 % (10)	45 % (36)	41.3 % (33)	100 % (80)

Jadual 5.a.ii. di atas menunjukkan pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap tugas (task) secara lebih terperinci berdasarkan item-item soal selidik. Daripada jadual 5.a.ii. tersebut dapat dilihat pelajar yang tahu bahawa karangan mempunyai pelbagai format mencatatkan tiada pelajar yang menyatakan sangat tidak setuju. Walau bagaimanapun masih terdapat 8.8 % (7) pelajar menyatakan tidak setuju, manakala 42.5 % (34) pelajar pula menyatakan setuju dan peratus yang tertinggi adalah bagi yang menyatakan sangat setuju bahawa karangan mempunyai pelbagai format iaitu 48.8 %

(39). Ini membawa maksud tahap kebolehan metapenulisan pelajar terhadap tugas penulisan adalah sangat tinggi. Dapatkan ini menggambarkan bahawa kebanyakan pelajar tahu bahawa karangan mempunyai pelbagai format, namun, masih terdapat pelajar yang tidak sedar bahawa karangan mempunyai pelbagai format.

Sementara itu, bagi yang tahu bahawa karangan mempunyai pelbagai jenis pula, tiada pelajar yang sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut, dan hanya 6.3 % (5) pula menyatakan tidak setuju, berbanding dengan peratus yang paling tinggi adalah bagi mereka yang menyatakan sangat setuju bahawa karangan mempunyai pelbagai jenis iaitu 61.3 % (49) pelajar. Seperti juga pengetahuan terhadap format, masih terdapat segelintir pelajar yang masih tidak tahu dan tidak sedar bahawa karangan terdiri daripada pelbagai jenis walaupun sebahagian pelajar sedar tentang hal tersebut. Jadi hal ini mungkin akan menyebabkan pelajar menulis karangan tidak mengikut format yang betul. Sebagaimana yang dilaporkan oleh Mohd Jonit (1996) iaitu kelemahan pelajar dalam penulisan karangan dalam peperiksaan SPM adalah penggunaan format yang salah dan ini akan memberi kesan negatif terhadap keseluruhan karangan.

Selain itu, data-data daripada jadual 5.a.ii. juga mencatatkan peratus yang tinggi bagi mereka yang menyatakan setuju dan sangat setuju bahawa mereka meneliti kehendak tajuk sebelum menulis karangan iaitu masing-masing 51.5 % (41) dan 35.0 % (28) pelajar. Ini bermakna pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap tugas iaitu tentang kehendak tajuk adalah pada tahap yang tinggi. Sungguhpun demikian masih terdapat segelintir pelajar yang tidak meneliti tentang kehendak tajuk sebelum mereka menulis iaitu 1.3 % (1) pelajar menyatakan sangat tidak setuju dan 12.5 % (10) pelajar pula menyatakan tidak setuju. Oleh yang demikian tidak hairanlah jika masih terdapat karangan pelajar yang terpesong dari segi isinya sebagaimana yang dilaporkan oleh Mohd Jonit (1996) berdasarkan laporan prestasi Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Aspek pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap tugas penulisan seterusnya adalah audien (pembaca) karangan. Dapatkan menunjukkan bahawa 10 % (8) pelajar menyatakan sangat tidak setuju bahawa mereka pasti tentang audien karangan mereka sebelum menulis karangan, 37.5 % (30) pelajar pula menyatakan mereka tidak setuju, manakala 43.8 % (35) pelajar menyatakan setuju dan hanya 8.8 % (7) pelajar menyatakan sangat setuju bahawa mereka pasti tentang audien karangan mereka sebelum menulis. Ini membawa maksud bahawa pengetahuan metakognisi pelajar terhadap audien tidak begitu tinggi kerana peratus yang agak besar bagi mereka yang tidak setuju dan setuju sahaja seperti yang dicatatkan dalam jadual. Ini juga membayangkan bahawa audien bukanlah perkara yang diambilkira oleh pelajar sebelum menulis.

Di samping itu, dengan berpandukan jadual 5.a.ii juga dapat dilihat 75.0 % (60) pelajar yang menyatakan setuju dan sangat setuju bahawa mereka yakin tentang tajuk karangan yang dipilih mempunyai banyak isi. Namun begitu, masih terdapat 25.0 % (20) pelajar yang tidak yakin bahawa tajuk karangan yang mereka pilih tersebut mempunyai banyak isi. Dengan yang demikian, fenomena ini akan menyebabkan karangan yang dihasilkan oleh pelajar itu berkemungkinan tidak cukup isi. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Mohd Jonit (1996) bahawa terdapat segelintir pelajar yang menulis karangan mereka tidak menepati syarat jumlah perkataan yang dikehendaki.

Selain itu, jadual 5.a.ii juga menunjukkan bahawa 13.8 % (11) pelajar tidak merasakan bahawa pendahuluan karangan penting bagi sesebuah karangan, manakala 86.3 % (69) pelajar yang menyatakan setuju dan sangat tidak setuju bahawa pendahuluan sangat penting bagi sesebuah karangan. Ini membawa maksud bahawa tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas tentang pendahuluan karangan adalah agak tinggi, walaupun masih terdapat pelajar yang agak rendah seperti yang telah dibincangkan.

Kesimpulannya perlu dinyatakan di sini bahawa, walaupun secara keseluruhannya tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap tugas adalah tinggi tetapi masih

terdapat segolongan pelajar yang tidak tahu dan tidak sedar tentang tugas penulisan semasa menulis karangan dan ini boleh menjelaskan prestasi penulisan karangan mereka. Dengan itu, guru perlu meningkatkan kesedaran pelajar terhadap aspek-aspek tugas ini dalam aktiviti pengajaran dan pemelajaran kemahiran menulis.

1.a.iii. Apakah tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi di kalangan pelajar?

Bagi menjawab soalan kajian ini rujuk semula jadual 5 (lajur 4) yang menunjukkan tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap strategi penulisan karangan. Dapatan menunjukkan bahawa tiada pelajar mempunyai tahap pengetahuan terhadap strategi yang sangat rendah, dan hanya 6.3 % (5) pula yang rendah pengetahuan terhadap strategi penulisan. Selain itu, 60.0 % (48) bagi yang tinggi sementara 33.8 % (27) bagi yang sangat tinggi pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan. Ini memperlihatkan bahawa pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan di kalangan pelajar adalah pada tahap tinggi juga.

Seperti juga pengetahuan metapenulisan terhadap diri dan tugas, tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi juga boleh dilihat dengan lebih terperinci berdasarkan respon pelajar terhadap item-item soal selidik di bahagian II iaitu item 5.i, 5.iii, 5.vi, 7 dan item 8 yang mengukur pengetahuan strategi pelajar. Dapatan boleh dilihat daripada jadual 5.a.iii. yang berikut.

Daripada jadual 5.a.iii. dapat dilihat bahawa 10.0 % (8) menunjukkan tidak setuju dan sangat tidak setuju bahawa mereka membaca dan meneliti semua tajuk atau soalan sebelum menulis karangan, 46.3 % (37) yang merupakan peratus tertinggi pula setuju dan 43.8% (35) pula sangat setuju bahawa mereka meneliti semua tajuk atau soalan sebelum menulis karangan. Secara keseluruhannya, walaupun boleh dikatakan bahawa tahap pengetahuan terhadap strategi iaitu "meneliti semua tajuk sebelum menulis" agak tinggi, masih terdapat pelajar yang tidak meneliti semua tajuk. Ini membawa maksud bahawa

pelajar seolah-olah tidak tahu bahawa meneliti semua tajuk adalah antara strategi yang penting bagi memastikan bahawa tajuk yang dipilih itu adalah yang terbaik bagi dirinya untuk menulis dan ini mungkin akan membantunya mendapatkan markah yang baik bagi karangannya.

Jadual 5.a.iii.

Tahap Pengetahuan Metapenulisan Karangan Terhadap Strategi Penulisan

Aspek-aspek pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan karangan	Tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap strategi penulisan				
	STS	TS	S	SS	JUM
Membaca dan meneliti semua tajuk atau soalan sebelum menulis	1.3 % (1)	8.8 % (7)	46.3% (37)	43.8 % (35)	100 % (80)
Mencari isi-isi bagi tajuk yang dipilih sebelum mula menulis karangan	1.3 % (1)	15.0 % (12)	53.8 % (43)	30.0 % (24)	100 % (80)
Menulis rangka bagi karangan yang akan ditulis sebelum mula menulis	7.5 % (6)	27.5 % (22)	45 % (36)	20 % (16)	100 % (80)
Merangka karangan bertujuan bagi mendapatkan isi karangan	2.5 % (2)	15 % (12)	62.5 % (50)	20 % (16)	100 % (80)
Merangka karangan bertujuan bagi mengelakkan kebuntuan idea semasa menulis	3.8 % (3)	8.8 % (7)	51.3 % (41)	36.3 % (29)	100 % (80)

Sementara itu bagi yang mencari isi-isi bagi tajuk yang dipilih sebelum mula menulis karangan pula adalah 16.3 % (13) bagi yang sangat tidak setuju dan tidak setuju. Peratus yang tertinggi pula bagi yang setuju iaitu 53.8 % (43) dan 30 % (24) pula bagi yang sangat setuju bahawa mereka mencari isi-isi bagi tajuk yang dipilih sebelum menulis karangan.

Begitu juga, jadual 5.a.iii juga menunjukkan bahawa 7.5 % (6) pelajar menyatakan sangat tidak setuju bahawa mereka menulis draf atau rangka bagi karangan

yang akan ditulis, 27.5 % (22) pula tidak setuju, manakala peratus yang paling tinggi pula bagi yang setuju iaitu 45.0 % (36) dan 20 % (16) pelajar pula sangat setuju. Dapatkan ini membayangkan bahawa tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi iaitu tentang pencarian isi bagi tajuk yang dipilih dan penulisan rangka karangan sebelum menulis adalah agak tinggi. Meskipun begitu, sejumlah pelajar tidak mencari isi sebelum menulis. Jika dilihat bagi yang merangka dengan tujuan untuk mendapatkan isi pula sebanyak 2.5 % (2) sangat tidak setuju, 15 % (12) tidak setuju, 62.5 % (50) setuju dan 20 % (16) sangat setuju bahawa mereka merangka hanya bagi mendapatkan isi sahaja.

Oleh sebab pencarian isi berkait rapat dengan penulisan rangka dan juga menulis rangka, jadi terdapat juga sejumlah pelajar yang tidak menulis rangka sebelum menulis. Ini menunjukkan bahawa mereka ini tidak sedar tentang strategi tersebut penting bagi mendapatkan karangan yang berkualiti. Ketiadaan rangka ini mungkin boleh menyebabkan karangan yang dihasilkan itu tidak sempurna dan tidak tersusun isinya. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd Jonit (1996) berdasarkan Laporan Lembaga Peperiksaan Malaysia (1986) bahawa antara kelemahan pelajar dalam karangan adalah isi yang tidak mencukupi, tidak berkembang, tidak dilengkapi dengan contoh-contoh yang sesuai, mencampuradukkan beberapa isi yang berbeza dalam satu perenggan dan menyampaikan isi yang serupa secara berulang. Karangan yang sebegini mungkin merupakan hasilan pelajar yang tidak sedar tentang kepentingan pencarian aspek isi dan penulisan rangka.

Jika dilihat berdasarkan item 20 iaitu pelajar merangka karangan bertujuan bagi mengelakkan kebuntuan idea semasa menulis, 3.8 % (3) pelajar menyatakan sangat tidak setuju, 8.8 % (7) pula menyatakan tidak setuju sedangkan 51.3 % (41) pelajar setuju iaitu peratus yang tertinggi dan 36.3 % pula sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa pelajar merangka sebenarnya bukan sahaja bagi mendapatkan ini tetapi juga bagi mengelakkan kebuntuan idea semasa menulis dan ini juga membawa maksud bahawa

tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap strategi adalah tinggi. Namun sejumlah 10.0 % (8) pelajar yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut memberi gambaran bahawa mereka ini tidak sedar bahawa merangka bukan sahaja bagi mendapatkan isi tetapi juga bagi mengatasi masalah kebuntuan idea semasa menulis.

Dengan ini dapat dirumuskan bahawa tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap strategi berada pada tahap yang tinggi sebagaimana juga yang ditunjukkan dalam jadual 5 (lajur 4). Walaupun demikian, terdapat segelintir pelajar yang masih tidak mempunyai pengetahuan metapenulisan terhadap strategi. Dengan yang demikian, peranan guru amat penting bagi meningkatkan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi ini.

1.b. Apakah tahap pemantauan dan pengendalian dalam penulisan di kalangan pelajar?

Tahap pemantauan dan pengendalian dalam penulisan karangan pelajar ini juga boleh dilihat dengan merujuk semula kepada jadual 5. Daripada jadual 5 (lajur 6) dapat dilihat bahawa hanya 6.3 % (5) pelajar yang rendah dan tiada pelajar sangat rendah pemantauan dan pengendalian mereka. Peratus tertinggi pula bagi yang tinggi tahap pemantauan dan pengendaliannya iaitu 60.0 % (48) pelajar dan diikuti pula 37.5 % (30) pelajar yang tinggi tahap pemantauan dan pengendaliannya.

Tahap pemantauan dan pengendalian ini juga boleh dilihat dengan lebih terperinci berdasarkan respon pelajar terhadap item-item soal selidik di bahagian II iaitu item 10.ii hingga item 10.vi dan item 14.i hingga item 14.iv bagi pemantauan dan item 10.i,11.i hingga item 13.iii dan item 14.v bagi pengendalian. Bagi melihat tahap pemantauan dan pengendalian pelajar secara terperinci penulis telah memisahkan tahap pemantauan dan pengendalian dan dapat dilihat dari jadual 5.b.i. (pemantauan) dan 5.b.ii (pengendalian) yang berikut berikut:

**Jadual 5.b.i****Tahap Pemantauan Pelajar dalam Penulisan Karangan.**

Aspek-aspek pemantauan pelajar semasa dan selepas menulis	Tahap pemantauan pelajar dalam penulisan karangan				
	STS	TS	S	SS	JUM
Membuat hentian beberapa kali bagi menyemak apa yang ditulis semasa menulis	7.5 % (6)	17.5 % (14)	51.3 % (41)	23.8 % (19)	100 % (80)
Membuat penyemakan dan pembetulan ejaan semasa menulis karangan	1.3% (1)	26.3% (21)	61.3% (41)	11.3% (9)	100% (80)
Membuat penyemakan dan pembetulan tanda bacaan semasa menulis karangan	3.8% (3)	30.0% (24)	53.8% (43)	12.5% (10)	100% (80)
Membuat penyemakan dan pembetulan aspek struktur ayat semasa menulis karangan	2.5% (2)	23.8% (19)	52.5% (42)	21.3% (17)	100% (80)
Membuat penyemakan dan pembetulan aspek isi semasa menulis karangan.	3.8% (3)	28.8% (23)	50.0% (40)	17.5% (14)	100% (80)
Membaca keseluruhan karangan yang dibuat selepas menulis karangan.	2.5% (2)	8.8% (7)	33.8% (27)	55.0% (44)	100% (80)
Menyemak dan mengedit Bagi mengesan dan membetulkan ejaan	0% (0)	17.5% (14)	56.3% (45)	26.3% (21)	100% (80)
Menyemak dan mengedit bagi mengesan dan membetulkan tanda bacaan selepas menulis karangan	5.0% (4)	23.8% (19)	48.8% (39)	22.5% (18)	100% (80)
Menyemak dan membetulkan jika ada kesalahan struktur ayat selepas menulis karangan	5.0% (4)	15.0% (12)	43.8% (35)	36.3% (29)	100% (80)

Daripada jadual 5.b.i. dapat dilihat pemantauan pelajar semasa menulis dan selepas menulis karangan. Terdapat 7.5 % (6) pelajar yang menyatakan sangat tidak setuju bahawa mereka membuat hentian beberapa kali bagi menyemak apa yang ditulis semasa menulis karangan. Ini diikuti 17.5 % (14) pelajar pula menyatakan tidak setuju manakala 51.3 % (41) pula bagi yang setuju dan peratus yang paling tinggi adalah 23.8 % (19) pelajar yang menyatakan sangat setuju bahawa mereka membuat hentian beberapa kali bagi menyemak apa yang mereka tulis. Ini menunjukkan bahawa sebahagian pelajar memantau kerja penulisan mereka tetapi masih terdapat segelintir pelajar yang tidak memantau kerja penulisan mereka.

Jadual 5.b.i juga menunjukkan bahawa sebanyak 1.3 % (1) menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan pernyataan yang menyatakan bahawa mereka membuat penyemakan dan pembetulan ejaan semasa menulis karangan. 26.3 % (21) pula menyatakan tidak setuju, manakala 61.3 % (41) menyatakan setuju dan 11.3 % (9) menyatakan sangat setuju. Ini bermakna peratus yang paling tinggi adalah bagi yang setuju mereka menyemak ejaan sahaja. Walau bagaimanapun jumlah sebanyak 27.6 % (22) pelajar yang tidak menyemak ejaan semasa menulis bukanlah satu jumlah yang kecil. Begitu juga dari segi penyemakan dan pembetulan tanda bacaan, jadual menunjukkan 3.8 % (3) menyatakan sangat tidak setuju, dan 30.0 % (24) pula menyatakan tidak setuju. Bacaan di jadual juga menunjukkan 53.8 % (43) pelajar menyatakan setuju dan 12.5 % menyatakan sangat setuju bahawa mereka menyemak juga tanda bacaan.

Aspek-aspek lain yang turut diambil kira semasa membuat penyemakan dan pembetulan adalah aspek struktur ayat dan isi karangan. Ini dapat dilihat daripada jadual 5.b.i. iaitu hanya 2.5 % (2) sangat tidak setuju bahawa mereka membuat penyemakan dan pembetulan struktur ayat semasa menulis karangan, 23.8 % (19) pelajar tidak setuju, manakala 52.5 % pelajar setuju dan 21.3 % (17) pula sangat setuju. Begitu juga dari segi isi karangan, terdapat hanya 3.8 % (3) sangat tidak setuju, 28.8 % (23) tidak setuju, 50.0 % (40) pelajar pula menyatakan setuju dan 17.5 % (14) pula menyatakan sangat setuju bahawa mereka membuat penyemakan dan pembetulan aspek isi semasa menulis karangan. Dapatkan ini memberi gambaran bahawa dari aspek pemantauan, tahap pelajar adalah agak tinggi juga. Ini membawa maksud bahawa pelajar membuat penyemakan terhadap aspek luaran (teknikal) dan dalaman (ayat dan isi) karangan semasa menulis bagi memantau kerja penulisan mereka. Dapatkan ini sesuai sebagaimana yang dinyatakan oleh Flower dan Hayes (1981), Marohaini (1996), Juriah Long (1998) bahawa peringkat dalam proses menulis adalah bersifat rekursif atau berulang-ulang dan peringkat

penyemakan, penelitian dan pengeditan ini bukan sahaja dilakukan oleh pelajar selepas menulis malah dilakukan juga semasa menulis.

Penyemakan aspek luaran dan dalaman karangan selepas menulis karangan juga dapat dilihat daripada jadual 5.b.i. iaitu bahawa 2.5 % (2) pelajar menyatakan sangat tidak setuju, dan 8.8 % (7) pula menyatakan tidak setuju bahawa membaca keseluruhan karangan selepas menulis, manakala 33.8 % (27) menyatakan setuju dan 55.0 % (44) pelajar pula menyatakan sangat setuju bahawa mereka membaca keseluruhan karangan yang dibuat selepas menulis karangan.

Aspek pemantauan yang lain adalah menyemak dan mengedit bagi mengesan dan membetulkan ejaan selepas menulis. Daripada jadual 5.b.i dapat dilihat bahawa tiada pelajar yang sangat tidak setuju, 17.5 % (14) pelajar pula tidak setuju, sementara 56.3 % (45) pelajar setuju dan 26.3 % (21) sangat setuju bahawa mereka menyemak dan membetulkan ejaan selepas menulis. Bagi yang menyemak dan membetulkan tanda bacaan pula adalah 5.0 % (4) sangat tidak setuju diikuti 23.8 % (19) pelajar yang tidak setuju. Peratus yang tertinggi adalah bagi yang menyatakan setuju iaitu 48.8 % (39) dan 22.5 % (18) pula menyatakan sangat setuju bahawa mereka membetulkan aspek tanda bacaan selepas menulis.

Sementara bagi yang menyemak dan membetulkan jika ada kesalahan struktur ayat selepas menulis karangan pula adalah 5.0 % (4) sangat tidak setuju, 15.0 % (12) pula tidak setuju, 43.8 % (35) setuju dan 36.3 % (29) pula sangat setuju. Dapatkan ini memperlihatkan seolah-olah sebahagian besar pelajar membuat penyemakan aspek dalaman dan luaran selepas menulis karangan. Ini juga memberi gambaran bahawa aspek pemantauan pelajar dalam penulisan karangan adalah agak tinggi juga. Sungguhpun demikian masih terdapat sebilangan pelajar dan jumlahnya agak besar juga yang tidak membuat penyemakan selepas menulis. Dari sini pula membayangkan bahawa tahap pemantauan pelajar hanya pada tahap sederhana sahaja.

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, penulis telah memisahkan perbincangan antara pemantauan dan pengendalian dan selepas ini akan dibincangkan pula tahap pengendalian pelajar dalam penulisan karangan. ini dapat dilihat berdasarkan jadual 5.b.ii.

Daripada jadual 5.b.ii. dapat dilihat tahap pengendalian pelajar semasa menulis karangan iaitu pelajar yang merujuk rangka karangan semasa menulis karangan adalah 5.0 % (4) sangat tidak setuju dan 21.3 % (17) pula setuju. Seramai 46.3 % (37) iaitu peratus yang tertinggi pula bagi yang setuju dan 27.5% (22) pelajar sangat setuju sangat setuju bahawa mereka merujuk rangka karangan semasa menulis. Sebilangan pelajar yang tidak merujuk rangka karangan semasa menulis mungkin terdiri daripada mereka yang tidak menulis rangka karangan sebelum menulis. Ini juga membayangkan bahawa tahap pengendalian mereka ini adalah rendah walaupun sebahagian besar pelajar mempunyai tahap pengendalian yang agak tinggi.

Apabila menghadapi kebuntuan idea semasa menulis pula, jadual 5.b.ii menunjukkan bahawa pelajar yang akan merujuk rangka karangan yang telah dibuat adalah 8.8 % (7) sangat tidak setuju, dan 12.5 % (10) tidak setuju. Sementara itu bacaan juga mencatatkan sebanyak 42.5% (34) pelajar yang setuju dan 36.3 % (29) sangat setuju bahawa mereka merujuk rangka karangan ketika menghadapi kebuntuan idea semasa menulis. Sungguhpun demikian terdapat ramai juga yang akan menulis apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran apabila menghadapi kebuntuan idea semasa menulis iaitu 51.3 % (41) yang setuju dan 11.3 % (9) pula sangat setuju. Jadual 5.b.ii juga menunjukkan 26.3 % (21) pelajar tidak setuju, dan 11.3 % (9) pula menyatakan sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa sebilangan besar daripada sampel agak rendah tahap pengendalian mereka kerana mereka akan menulis apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran apabila menghadapi kebuntuan idea semasa menulis karangan.

Jadual 5.b.ii.

## Tahap Pengendalian Pelajar dalam Penulisan Karangan

Aspek pengendalian pelajar semasa menulis karangan	Tahap pengendalian pelajar dalam penulisan karangan				
	STS	TS	S	SS	JUM
Merujuk rangka karangan semasa menulis karangan	5.0 % (4)	21.3% (17)	46.3% (37)	27.5 % (22)	100 % (80)
Apabila menghadapi kebuntuan idea semasa menulis	Akan merujuk rangka karangan yang telah dibuat sebelum menulis	8.8 % (7)	12.5% (10)	42.5% (34)	36.3 % (29) 100 % (80)
	Akan menulis apa-apa sahaja yang terlintas di fikiran *	11.3 % (9)	26.3% (21)	51.3% (41)	11.3 % (9) 100 % (80)
	Akan berfikir sejenak dan mencari idea-idea baru	2.5 % (2)	8.8 % (7)	56.3% (45)	32.5 % (26) 100 % (80)
	Akan membaca semula apa-apa yang telah ditulis bagi mencari idea-idea baru.	2.5 % (2)	12.5% (10)	45.0% (36)	40 % (32) 100 % (80)
	Akan terus menulis karangan walaupun terpesong *	36.3 % (29)	41.3% (33)	20.0% (16)	2.5 % (2) 100 % (80)
	Akan menulis semula karangan baru mengikut kehendak tajuk	7.5 % (6)	20.0% (16)	47.5% (38)	25.0 % (20) 100 % (80)
	Akan membuang bahagian yang terpesong dan terus menyambung karangan tersebut	6.3 % (5)	13.8% (11)	47.5% (38)	32.5 % (26) 100 % (80)
	Akan meneliti semula tajuk dan memilih tajuk yang lain*	22.5 % (18)	35.0% (28)	27.5% (22)	15.0 % (12) 100 % (80)
	Akan meringkaskan penulisan dengan hanya menyatakan isi-isi penting sahaja tanpa huraihan.*	16.3 % (13)	20.0 % (16)	43.8 % (35)	20.0 % (16) 100 % (80)
	Akan terus menulis kesimpulan karangan.	11.3 % (9)	41.3 % (33)	37.5 % (30)	10.0 % (8) 100 % (80)
tinggal beberapa minit untuk menulis	Akan terus menulis setakat mana yang sempat ditulis tanpa memikirkan kesimpulan karangan tersebut.*	6.3 % (5)	27.5% (22)	45.0% (36)	21.3 % (17) 100 % (80)
	Akan memastikan mempunyai masa yang cukup untuk menulis karangan.	6.3 % (5)	20.0% (16)	41.3% (33)	32.5% (26) 100 % (80)

\* sangat setuju = sangat rendah, setuju = rendah.

Sementara itu, pelajar yang akan berfikir sejenak dan mencari idea-idea baru

untuk menulis apabila menghadapi kebuntuan idea semasa menulis pula adalah 2.5 % (2)

sangat sangat tidak setuju, manakala 8.8 % (7) pula tidak setuju. Sementara itu 56.3 %

(45) pula menyatakan setuju, dan 32.5 % (26) pula menyatakan sangat setuju. Bagi

pelajar yang akan membaca semula apa-apa yang telah ditulis bagi mencari idea-idea baru apabila menghadapi kebuntuan idea semasa menulis pula adalah 2.5 % (2) pelajar yang sangat tidak setuju, 12.5% (10) pula tidak setuju, manakala 45.0 % (36) menyatakan setuju dan 40 % (32) menyatakan sangat setuju.

Secara keseluruhannya, berdasarkan analisis daripada jadual 5.b.ii dapatlah disimpulkan bahawa tahap pengendalian pelajar apabila menghadapi kebuntuan idea semasa menulis berada pada tahap yang agak tinggi juga walaupun masih terdapat pelajar yang rendah tahap pengendalian mereka.

Jadual 5.b.ii juga menunjukkan pengendalian pelajar apabila mendapati karangan yang ditulis telah terpesong iaitu 36.3 % (29) menyatakan sangat tidak setuju dengan pernyataan bahawa mereka akan terus menulis karangan walaupun terpesong, 41.3 % (33) menyatakan tidak setuju, 20.0 % (16) menyatakan setuju dan hanya 2.5 % (2) menyatakan sangat setuju. Dari sini dapat dilihat bahawa agak ramai juga yang masih rendah tahap pengendalian mereka ketika mendapati karangan yang ditulis itu terpesong iaitu 22.5 % (18) pelajar walaupun sebahagian daripada mereka mempunyai tahap pengendalian yang agak tinggi.

Bagi yang akan menulis semula karangan baru mengikut kehendak tajuk apabila karangannya terpesong pula adalah 7.5 % (6) menyatakan sangat tidak setuju, 20.0 % (16) menyatakan tidak setuju, 47.5 % (38) pula menyatakan setuju dan 25.0 % (20) menyatakan sangat tidak setuju.

Di samping itu juga, jadual 5.b.ii. juga menunjukkan bahawa apabila pelajar mendapati karangan yang ditulis telah terpesong, 6.3 % (5) menyatakan sangat tidak setuju bahawa mereka akan membuang bahagian yang terpesong dan terus menyambung karangan tersebut, diikuti 13.8 % (11) pelajar yang tidak setuju. Terdapat 47.5 % (38) pula yang setuju dan 32.5 % (26) menyatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Ini memperlihatkan bahawa sebilangan besar pelajar agak tinggi tahap pengendalian

mereka meskipun masih terdapat sejumlah pelajar yang rendah iaitu 20.0 % (16) pelajar. Dengan yang demikian tidak hairanlah jika masih terdapat karangan pelajar yang terpesong semasa dalam peperiksaan sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd. Jonit (1996).

Di samping itu juga, sebanyak 22.5 % (18) pula menyatakan sangat tidak setuju akan meneliti semula tajuk dan memilih tajuk yang lain 35.0 % (28) menyatakan tidak setuju, 27.5 % (22) menyatakan setuju dan 15.0 % (12) menyatakan sangat setuju. Dapatan ini telah memberi gambaran bahawa kebanyakan pelajar tidak bersetuju dengan tindakan tersebut. Ini mungkin kerana penelitian semula tajuk akan membazirkan masa mereka untuk menulis dan tindakan ini bukanlah satu tindakan yang bijak. Jadi, ini juga menggambarkan bahawa tahap pengendalian pelajar ini agak tinggi juga walaupun masih terdapat pelajar yang rendah tahap pengendalian mereka.

Boleh juga dikatakan bahawa tindakan pengendalian pelajar yang tidak cekap semasa menghadapi masalah ketika menulis seperti "sewaktu menghadapi kebuntuan idea untuk menulis" dan "apabila mendapati karangan yang ditulis telah terpesong" ini amat berkait rapat dengan peringkat perancangan lagi. Bagi pelajar yang tidak merancang karangan dengan baik seperti penulisan rangka dan juga pencarian isi-isi sebelum menulis, kemungkinan besar akan menyebabkan mereka sukar bertindak ketika menulis dan lahirlah karangan yang tidak mantap dari segi penyusunan dan kesatuan isi dan tidak koheren. Dengan yang demikian juga bolehlah disimpulkan bahawa peringkat perancangan amat penting dalam sesuatu proses penulisan kerana ia berkait rapat juga dengan tahap pengendalian ketika menulis. Ini sesuai dengan pendapat Marohaini (1996) bahawa penulis yang mahir memerlukan masa yang lebih panjang untuk merancang penulisan mereka. Dengan yang demikian, penulis yang mahir akan dapat mengendali kerja-kerja penulisan mereka dan seterusnya dapat menghasilkan karangan yang baik dan koheren.

Aspek pengendalian pelajar seterusnya yang dapat dilihat adalah ketika menyedari hanya tinggal beberapa minit untuk menulis. Data-data daripada jadual menunjukkan 16.3 % (13) pelajar sangat tidak setuju bahawa mereka akan meringkaskan penulisan dengan hanya menyatakan isi-isi penting sahaja tanpa huriaian manakala 20.0% (16) pula tidak setuju. Peratus yang paling tinggi ditunjukkan bagi yang menyatakan setuju iaitu 43.8 % (35) dan 20.0 % (16) pula menyatakan sangat setuju.

Tindakan yang sedemikian menunjukkan bahawa pengendalian pelajar yang agak rendah. Hal ini kerana tindakan mencatatkan isi-isi tanpa huriaian akan menghasilkan karangan yang isinya tidak berkembang dan tidak dilengkapi dengan contoh-contoh yang sesuai sebagaimana yang dikatakan oleh Mohd Jonit (1996). Sedangkan penulisan itu sebenarnya bukanlah hanya dikira dari segi jumlah dan penyampaian isi tetapi juga aspek-aspek semantik (Khathijah, 1998) penyusunan isi, dan menulis dengan struktur yang betul (Mohd Jonit).

Dapatan dari jadual juga mempamerkan bahawa 11.3 % (9) menyatakan sangat tidak setuju mereka akan terus menulis kesimpulan atau penutup karangan, manakala 41.3 % (33) tidak setuju, 37.5 % (30) pula yang setuju dan hanya 10.0 % (8) sahaja yang menyatakan sangat tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan ini membayangkan bahawa tahap pengendalian pelajar agak sederhana kerana sebilangan besar pelajar berada pada lingkungan rendah (TS) dan tinggi (S) sahaja. Mungkin pelajar kurang menyedari bahawa aspek penutup penting dalam sesebuah karangan sebagai pernyataan idea secara keseluruhan dan "epilog" bagi sesebuah karangan.

Sementara itu, jadual 5.b.ii. menunjukkan bahawa 6.3 % (5) menyatakan sangat tidak setuju dengan pernyataan bahawa mereka akan terus menulis setakat mana yang sempat ditulis tanpa memikirkan kesimpulan karangan tersebut ketika menyedari masa hanya tinggal beberapa minit sahaja untuk menulis. Seramai 27.5 % (22) pelajar yang tidak setuju, 45.0 % (36) pula menyatakan setuju dan 21.3 % (17) pula menyatakan

sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Dapatan daripada pernyataan ini merupakan "timbal balik" pernyataan sebelum ini iaitu "terus menulis kesimpulan karangan". Sejumlah pelajar yang tidak menulis kesimpulan karangan berkemungkinan besar akan bersetuju dengan pernyataan bahawa "mereka akan terus menulis setakat mana yang sempat ditulis". Ini juga memberi gambaran bahawa tahap pengendalian pelajar adalah pada tahap sederhana kerana sejumlah besar pelajar berada pada lingkungan rendah (TS) dan tinggi (S).

Di samping itu dapat juga dilihat bahawa 6.3 % (5) menyatakan sangat tidak setuju bahawa mereka akan memastikan mempunyai masa yang cukup untuk menulis karangan, 20.0 % (16) menyatakan tidak setuju, 41.3 % (33) menyatakan setuju dan 32.5 % (26) menyatakan sangat setuju. Dapatan ini memberi gambaran bahawa walaupun tahap pengendalian terhadap masa ini agak tinggi tetapi masih terdapat pelajar yang rendah aspek tersebut ketika menulis dan jumlah 26.3 % (21) pelajar yang tidak setuju dengan pernyataan tersebut bukanlah satu jumlah yang kecil.

Secara keseluruhannya dapatlah dibuat rumusan bahawa tahap pengendalian pelajar semasa menulis karangan berada pada tahap yang sederhana dan tinggi. Perlu diberitahu bahawa penekanan yang harus diberi oleh guru ketika mengajar penulisan adalah termasuk juga aspek pemantauan dan pengendalian pelajar termasuk juga tindakan sebelum menulis, semasa menulis dan selepas menulis. Ini bukanlah sekadar memberitahu pelajar tetapi juga melatih kesedaran pelajar terhadap aspek-aspek pemantauan dan pengendalian dalam penulisan iaitu metapenulisan.

2. Apakah korelasi tahap kebolehan metapenulisan dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar?

### Jadual 6

#### Korelasi Metapenulisan dengan Prestasi Penulisan di Kalangan Pelajar

Prestasi penulisan pelajar	Tahap metapenulisan di kalangan pelajar		
	T	ST	JUM
Sederhana (40 - 59)	54.5 % (12)	31.0 % (18)	37.5 % (30)
Baik (60 - 79)	31.8 % (7)	48.3 % (28)	43.8 % (35)
Cemerlang (80-100)	13.6 % (3)	20.7 % (12)	18.8 % (15)
Jumlah	100 % (22)	100 % (58)	100 % (80)

$$\chi^2 = 3.762, \text{ df} = 2, p = .152$$

Jadual 6 menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi tahap metapenulisan karangan dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar dengan nilai  $\chi^2 = 3.762$ ,  $\text{df} = 2$ ,  $p = .152$ .

Data-data jadual 6 juga memperlihatkan di kalangan pelajar yang mencapai prestasi penulisan karangan pada tahap yang sederhana, 54.5 % (12) datang dari pelajar yang tinggi tahap metapenulisan karangannya berbanding dengan 31.0 % (18) pelajar yang sangat tinggi tahap metapenulisan karangan.

Sementara itu, dapat juga dilihat bahawa di kalangan pelajar yang cemerlang prestasi penulisan karangan mereka, 13.6 % (3) pelajar yang tinggi tahap metapenulisannya, berbanding dengan 20.7 % (12) pelajar yang sangat tinggi tahap metapenulisannya. Ini membayangkan, daripada kajian ini, tahap kebolehan metapenulisan tidak begitu memberi pengaruh terhadap prestasi penulisan karangan.

2.a. Apakah korelasi tahap pengetahuan metapenulisan dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar?

Berdasarkan nilai  $\chi^2 = 4.239$ ,  $\text{df} = 2$  dan  $p = .120$  menunjukkan bahawa tidak ada korelasi yang signifikan antara tahap pengetahuan metapenulisan karangan dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar. Bacaan di jadual 6.a. menunjukkan di kalangan pelajar mencapai tahap sederhana prestasi penulisan karangannya, 54.0 % (12)

pelajar yang tinggi tahap pengetahuan metapenulisan karangannya, berbanding dengan hanya 31.0 % (18) pelajar sangat tinggi tahap metapenulisannya

Jadual 6.a.

**Korelasi Pengetahuan Metapenulisan dengan Prestasi Penulisan Pelajar**

Prestasi penulisan karangan pelajar	Tahap pengetahuan metapenulisan pelajar		
	T	ST	JUM
Sederhana (40 -59)	54.0 % (12)	31.0 % (18)	37.5 % (30)
Baik (60 - 79)	36.4 % (8)	46.6 % (27)	43.8 % (35)
Cemerlang (80-100)	9.1 % (2)	22.4 % (13)	18.8 % (15)
Jumlah	100 % (22)	100 % (58)	100 % (80)

$$\chi^2 = 4.239, df = 2, P = .120$$

Sementara itu jadual 6.a. juga menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang cemerlang dalam penulisan karangan, 9.1 % (2) pelajar adalah tinggi tahap pengetahuan metapenulisannya, berbanding dengan 22.4 % (13) pelajar yang sangat tinggi tahap metapenulisan mereka. Ini juga membayangkan bahawa tahap pengetahuan metapenulisan tidak begitu mempengaruhi prestasi penulisan karangan.

2.a.i. Apakah korelasi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar?

Daripada analisis jadual 6.a.i didapati bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri pelajar dengan prestasi penulisan karangan mereka dengan nilai  $\chi^2$  adalah 6.759,  $df=2$  dan  $p = .034$ .

Jadual 6.a.i menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang sederhana prestasi penulisan karangannya, 55.6 % (15) pelajar adalah tinggi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri, berbanding 28.3 % (15) pelajar yang sangat tinggi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri mereka. Data juga menunjukkan hanya 18.8 % (15) pelajar yang mendapat cemerlang dalam penulisan karangan dan 24.5 % daripada

mereka sangat tinggi tahap metapenulisan terhadap dirinya dan hanya 7.4 % (2) pelajar sahaja yang tinggi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri.

Jadual 6.a.i.

Korelasi Tahap Pengetahuan Metapenulisan Terhadap Diri dengan Prestasi Penulisan di Kalangan Pelajar

Prestasi penulisan karangan pelajar	Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri pelajar		
	T	ST	JUM
Sederhana (40 -59)	55.6 % (15)	28.3 % (15)	37.5 % (30)
Baik (60 - 79)	37.0 % (10)	47.2 % (25)	43.8 % (35)
Cemerlang (80-100)	7.4 % (2)	24.5 % (13)	18.8 % (15)
Jumlah	100 % (27)	100 % (53)	100 % (80)

$$\chi^2 = 6.759, df = 2, p = .034$$

Dapatkan ini menggambarkan bahawa pengetahuan metapenulisan terhadap diri serba sedikit memberi pengaruh terhadap prestasi dalam penulisan karangan. Dengan ini juga menunjukkan bahawa guru perlu memberi kesedaran kepada pelajar tentang diri mereka misalnya seperti yang dibuat oleh Kasper (1985) iaitu penulisan autobiografi tentang diri pelajar terhadap sikap dan pengalaman menulis. Ini akan dapat meningkatkan pengetahuan metapenulisan terhadap diri pelajar.

2.a.ii. Apakah korelasi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar?

Jadual 6.a.ii menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang mencapai tahap sederhana dalam penulisan karangan 30.0 % (3) pelajar merupakan yang rendah tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas, berbanding 31.1 % (14) pelajar yang sangat tinggi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas penulisan

Jadual juga menunjukkan bahawa daripada golongan pelajar yang cemerlang dalam penulisan karangan, 10 % (1) pelajar terdiri daripada yang rendah tahap

pengetahuan metapenulisan terhadap tugas berbanding 8.0 % (2) yang tinggi dan 26.7 %

(12) bagi yang sangat tinggi tahap metapengetahuan terhadap tugas.

#### Jadual 6.a.ii

#### Korelasi Tahap Pengetahuan Metapenulisan Terhadap Tugas dengan Prestasi Penulisan di Kalangan Pelajar

Prestasi penulisan karangan	Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas penulisan karangan			
	R	T	ST	JUM
Sederhana (40 -59)	30.0 % (3)	52.0 % (13)	31.1 % (14)	37.5 % (30)
Baik - 79)	(60) 60.0 % (6)	40.0 % (10)	42.2% (19)	43.8 % (35)
Cemerlang (80-100)	10.0 % (1)	8.0 % (2)	26.7 % (12)	18.8 % (15)
Jumlah	100 % (10)	100 % (25)	100 % (45)	100 % (80)

$$\chi^2 = 6.203, df = 4, p = .185$$

Walau bagaimanapun, nilai  $\chi^2 = 6.203$ , df = 4 dan p = .185 menunjukkan bahawa tidak ada korelasi antara tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar. Dapatkan ini seolah-olah tahap pengetahuan terhadap tugas tidak memberi kesan terhadap prestasi penulisan karangan.

2.a.iii. Apakah korelasi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar?

#### Jadual 6.a.iii

#### Korelasi Pengetahuan Metapenulisan terhadap Strategi Penulisan dengan Prestasi Penulisan Karangan.

Prestasi penulisan karangan	Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan			
	R	T	ST	JUM
Sederhana (40 -59)	100 % (5)	39.6 % (19)	22.2 % (6)	37.5 % (30)
Baik (60 - 79)	0 % (0)	50.0 % (24)	40.7 % (11)	43.8 % (35)
Cemerlang (80-100)	0 % (0)	10.4 % (5)	37.0 % (10)	18.8 % (15)
Jumlah	100 % (5)	100 % (48)	100 % (27)	100 % (80)

$$\chi^2 = 17.147, df = 4, p = .002$$

Jadual 6.A.iii menunjukkan di kalangan pelajar yang prestasi penulisan karangannya sederhana, 100 % (5) adalah yang rendah tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan manakala 22.2 % (6) adalah datang daripada golongan pelajar yang sangat tinggi tahap metapenulisan terhadap strategi penulisan.

Sementara itu, jadual 6.a.iii juga menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang cemerlang dalam penulisan karangan mereka, tiada pelajar yang datang daripada golongan yang rendah tahap metapenulisannya terhadap strategi penulisan berbanding 37.0 % (10) pelajar terdiri daripada mereka yang sangat tinggi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan karangan.

Nilai  $\chi^2=17.147$ ,  $df = 4$ , dan  $p = .002$  menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar. Dapatkan ini telah memberi satu gambaran bahawa pengetahuan terhadap strategi sedikit banyak akan memberi pengaruh terhadap prestasi penulisan karangan. Dengan yang demikian pengetahuan tentang strategi ini perlu diberi perhatian oleh guru ketika mengajar penulisan. Guru bukan sahaja perlu mendedahkan strategi-strategi yang boleh digunakan oleh pelajar, malah harus melatih pelajar supaya sedar tentang strategi yang sesuai semasa menulis.

2.b. Apakah korelasi tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar?

Jadual 6.b menunjukkan bahawa nilai  $\chi^2=9.312$ ,  $df = 4$  dan  $p = .054$  menunjukkan korelasi yang tidak begitu signifikan antara tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan dengan prestasi penulisan karangan pelajar.

Jadual 6.b juga menunjukkan bahawa pelajar yang prestasi penulisan karangannya sederhana, 80.0 % (4) terdiri daripada mereka yang rendah tahap pemantauan dan pengendalian kendiri dalam penulisan karangan berbanding 40.0 % (18) yang tinggi dan

26.7 % (8) pelajar yang sangat tinggi tahap pemantauan dan pengendalian kendiri dalam penulisan.

#### Jadual 6.b

#### Korelasi Pemantauan dan Pengendalian Kendiri Pelajar dalam Penulisan dengan Prestasi Penulisan

Prestasi penulisan karangan	Tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan			
	R	T	ST	JUM
Sederhana (40 -59)	80.0 % (4)	40.0 % (18)	26.7 % (8)	37.5 % (30)
Baik (60 - 79)	0 % (0)	48.9 % (22)	43.3 % (13)	43.8 % (35)
Cemerlang (80-100)	20.0 % (1)	11.1 % (5)	30.0 % (9)	18.8 % (15)
Jumlah	100 % (5)	100 % (45)	100 % (30)	100 % (80)

$$\chi^2 = 9.312, df = 4, p = .054$$

Jadual 6.b juga menunjukkan bahawa bagi golongan pelajar yang cemerlang dalam penulisan karangan 20.0 % (1) adalah datang daripada kumpulan pelajar yang rendah tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan mereka berbanding 30.0 % (9) pelajar yang sangat tinggi tahap pemantauan dan pengendalian dalam penulisan karangan.

3. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap kebolchan metapenulisan di kalangan pelajar?

Nilai  $\chi^2$  daripada jadual 7 menunjukkan korelasi yang tidak begitu tinggi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap metapenulisan pelajar iaitu  $\chi^2 = 5.301, df = 2$  dan  $p = .071$ .

Daripada jadual 7 juga, dapat dilihat bahawa dalam kumpulan pelajar yang tinggi tahap metapenulisan mereka, 18.4 % (9) datang daripada kumpulan pelajar yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR, berbanding 40.0 % (2) pelajar yang mendapat C bagi Bahasa Melayu PMR.

**Jadual 7:****Korelasi Pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan Tahap Kebolehan Metapenulisan**

Tahap kebolehan metapenulisan pelajar dalam penulisan karangan	Pencapaian Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (PMR) pelajar			
	A	B	C	Jumlah
Tinggi	18.4 % (9)	42.3 % (11)	40.0 % (2)	27.5 % (22)
Sangat tinggi	81.6 % (40)	57.7 % (15)	60.0 % (3)	72.5 % (58)
Jumlah	100 % (49)	100 % (26)	100 % (5)	100 % (80)

$$\chi^2 = 5.301, df = 2, p = .071$$

Sementara itu, jadual 7 juga menunjukkan bahawa daripada kumpulan pelajar yang sangat tinggi tahap metapenulisan mereka, 81.6 % (40) pelajar adalah daripada kumpulan yang mendapat A bagi mata pelajaran Bahasa Melayu mereka berbanding 60.0 % (3) pelajar yang datangnya daripada kumpulan yang mendapat C bagi Bahasa Melayu PMR. Dapatan ini menunjukkan bahawa pencapaian dalam bahasa seolah-olah tidak begitu mempengaruhi tahap kebolehan metapenulisan pelajar. Seperti juga kajian oleh Mohammad Haron (1993) bahawa pencapaian bahasa dan PMR tidak mempengaruhi aspek metapemahaman pelajar.

- 3.a. Apakah korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan di kalangan pelajar?

Berdasarkan nilai  $\chi^2 = 4.545$ , df = 2, dan p = .103 daripada jadual 7.a menunjukkan tiada korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan pelajar.

Secara terperincinya dapat dilihat daripada jadual 7.a. yang menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang tinggi tahap pengetahuan metapenulisan mereka 20.4 % (10) pelajar adalah terdiri daripada mereka yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR, berbanding dengan 60.0 % (3) pelajar datang daripada kumpulan pelajar yang mendapat C dalam Bahasa Melayu PMR mereka.

Jadual 7.a.

Korelasi Pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan Tahap Pengetahuan Metapenulisan di Kalangan Pelajar?

Tahap pengetahuan metapenulisan pelajar dalam penulisan karangan	Pencapaian Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (PMR) pelajar			
	A	B	C	Jumlah
Tinggi	20.4 % (10)	34.6 % (9)	60.0 % (3)	27.5 % (22)
Sangat tinggi	79.6 % (39)	65.4 % (17)	40.0 % (2)	72.5 % (58)
Jumlah	100 % (49)	100 % (26)	100 % (5)	100 % (80)

$$\chi^2 = 4.545, df = 2, p = .103$$

Sementara itu, dapat dilihat bahawa di kalangan pelajar yang sangat tinggi tahap pengetahuan metapenulisan mereka pula, sebanyak 79.6 % (39) adalah datang daripada yang dapat A bahasa Melayu PMR berbanding dengan hanya 40.0 % (2) pelajar yang datang daripada kumpulan pelajar yang mendapat C bagi Bahasa Melayu PMR. Ini juga membayangkan bahawa pencapaian bahasa tidak begitu memberi pengaruh terhadap tahap metapenulisan karangan pelajar.

3.a.i. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri di kalangan pelajar?

Jadual 7.a.i menunjukkan tidak terdapat korelasi yang signifikan antara pencapaian bahasa Melayu PMR dengan tahap kebolehan metapenulisan pelajar terhadap diri dengan nilai  $\chi^2 = .122$ ,  $df = 2$  dan  $p = .941$ .

Data-data daripada jadual 7.a.i menunjukkan di kalangan pelajar yang tinggi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri, 32.7 % (16) pelajar adalah daripada golongan yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR mereka berbanding 40.0 % (2) pula daripada golongan pelajar yang mendapat C bahasa Melayu PMR.

Jadual 7.a.i juga menunjukkan di kalangan pelajar yang sangat tinggi tahap pengetahuan metapenulisan mereka, 67.3 % (33) adalah daripada yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR berbanding 60.0 % (3) pula adalah daripada yang mendapat C.

Dapatan ini pula memberi bayangan bahawa pencapaian Bahasa Melayu PMR tidak memberi pengaruh terhadap tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri.

Jadual 7.a.i

Korelasi Pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan Tahap Pengetahuan Metapenulisan terhadap Diri di Kalangan Pelajar.

Metapenulisan pelajar terhadap diri dalam penulisan	Pencapaian Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (PMR) pelajar			
	A	B	C	Jumlah
Tinggi	32.7 % (16)	34.6 % (9)	40 % (2)	33.8 % (27)
Sangat tinggi	67.3% (33)	65.4% (17)	60.0 % (3)	66.3 % (53)
Jumlah	100 % (49)	100 % (26)	100 % (5)	100 % (80)

$$\chi^2 = .122, df = 2, p = .941$$

3.a.ii. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas penulisan di kalangan pelajar?

Jadual 7.a.ii

Korelasi antara Pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan Tahap Pengetahuan Metapenulisan terhadap Tugas Penulisan di Kalangan Pelajar.

Kebolehan metapenulisan terhadap tugas pelajar	Pencapaian Bahasa Melayu Penilaian Menengah Rendah (PMR) pelajar			
	A	B	C	Jumlah
Rendah	8.2 % (4)	15.4 % (4)	40.0 % (2)	12.5 % (10)
Tinggi	20.4 % (10)	50.0 % (13)	40.0 % (2)	31.3 % (25)
Sangat tinggi	71.4 % (35)	34.6 % (9)	20.0 % (1)	56.3 % (45)
Jumlah	100 % (49)	100 % (26)	100 % (5)	100 % (80)

$$\chi^2 = 14.164, df = 4, p = .007$$

Jadual 7.a.ii menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang rendah tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas penulisan, sebanyak 8.2 % (4) adalah pelajar datang daripada kumpulan yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR, berbanding dengan 40.0 % (2) daripada kumpulan pelajar yang mendapat C. Sementara itu, data daripada jadual 7.a.ii juga menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang tinggi tahap

pengetahuan metapenulisan terhadap tugas pula, sebanyak 71.4 % (35) adalah daripada pelajar yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR berbanding dengan 20.0 % (1) pelajar adalah daripada kumpulan pelajar yang mendapat C bagi Bahasa Melayu PMR.

Nilai  $\chi^2 = 14.164$ , df = 4 dan p = .007 menunjukkan terdapat korelasi antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap metapenulisan terhadap tugas penulisan di kalangan pelajar. Ini menunjukkan bahawa pencapaian Bahasa Melayu ada memberi pengaruh terhadap tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas.

### 3.a.iii. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap

pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan di kalangan pelajar?

Jadual 7.a.iii

Korelasi Pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan Tahap Pengetahuan Metapenulisan Terhadap Strategi Penulisan di Kalangan Pelajar

Tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi	Pencapaian Bahasa Melayu (PMR)			
	A	B	C	Jumlah
Rendah	0 % (0)	15.4 % (4)	20.0 % (1)	6.3 % (5)
Tinggi	55.1 % (27)	69.2 % (18)	60.0 % (3)	60.0 % (48)
Sangat tinggi	44.9 % (22)	15.4 % (4)	20.0 % (1)	33.8 % (27)
Jumlah	100 % (49)	100 % (26)	100 % (5)	100 % (80)

$\chi^2 = 13.294$ , df = 4, p = .010

Nilai  $\chi^2 = 13.294$ , df = 4, dan p = .010 menunjukkan terdapatnya korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan di kalangan pelajar. Jadual 7.a.iii juga menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang rendah tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan tiada pelajar yang datang daripada kumpulan yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR mereka berbanding 15.4 % (4) dari kumpulan yang mendapat B dan hanya 20.0 % (1) daripada kumpulan pelajar yang mendapat C. Jadual 7.a.iii juga mencatatkan bahawa di kalangan pelajar yang sangat tinggi tahap pengetahuan metapenulisan

karangan, sebanyak 44.9 % (22) pelajar yang datang daripada kumpulan yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR berbanding 15.4 % (4) adalah daripada kumpulan pelajar yang mendapat B, dan 20.0 % (1) pelajar pula datang daripada kumpulan yang mendapat C dalam Bahasa Melayu PMR. Dapatan ini seperti memberi petunjuk bahawa pencapaian Bahasa Melayu PMR sedikit banyak memberi pengaruh terhadap tahap pengetahuan terhadap strategi.

3.b. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pemantauan dan pengendalian kendiri dalam penulisan di kalangan pelajar?

Jadual 7.b

Korelasi Pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan Tahap Pemantauan dan Pengendalian Kendiri dalam Penulisan Karangan di Kalangan Pelajar.

Tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan	Pencapaian Bahasa Melayu (PMR)			
	A	B	C	Jumlah
Rendah	2.0 % (1)	15.4% (4)	0 % (0)	6.3 % (5)
Tinggi	55.1 % (27)	61.5 % (16)	40.0% (2)	56.3 % (45)
Sangat tinggi	42.9 % (21)	23.1% (6)	60.0% (3)	37.5 % (30)
Jumlah	100 % (49)	100 % (26)	100 % (5)	100 % (80)

$$\chi^2 = 8.040, df = 4, p = .090$$

Nilai  $\chi^2 = 8.040$ , df = 4 dan p = 0.90 menunjukkan bahawa tidak terdapat korelasi yang signifikan antara pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pemantauan dan pengendalian kendiri pelajar dalam penulisan karangan. Ini juga memperlihatkan bahawa pencapaian dalam bahasa tidak begitu memberi pengaruh terhadap tahap metapenulisan karangan.

Jadual 7.b menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang rendah tahap pemantauan dan pengendaliannya dalam penulisan karangan, terdapat 2.0 % (1) terdiri

daripada golongan pelajar yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR berbanding 15.4 % (4) pelajar pula adalah daripada yang mendapat B dan tiada pelajar yang datang daripada kumpulan yang mendapat C bagi Bahasa Melayu PMR. Sementara itu, di kalangan mereka yang sangat tinggi tahap pemantauan dan pengendalian kendiri dapat juga dilihat bahawa 42.9 %(21) pelajar adalah daripada mereka yang mendapat A bagi Bahasa Melayu PMR berbanding 60.0 % (3) pelajar yang datang daripada kumpulan yang mendapat C.

4. Apakah korelasi tahap kebolehan metapenulisan karangan pelajar dengan prestasi penulisan karangan mengikut kaum?

Berpandukan jadual 8 nilai korelasi bagi pelajar Melayu dan bukan Melayu hampir sama iaitu,  $\chi^2 = 2.587$ ,  $df = 2$ , dan  $P = .274$  dan bagi pelajar bukan Melayu pula nilai  $\chi^2 = 2.571$ ,  $df = 2$  dan  $P = .277$ . Ini menunjukkan tidak ada korelasi antara tahap metapenulisan karangan dengan prestasi penulisan karangan sama ada bagi kaum Melayu atau bukan Melayu.

Jadual 8 juga menunjukkan bahawa sebanyak 54.5 % (6) pelajar Melayu dan bukan Melayu yang tinggi tahap metapenulisan yang sederhana prestasi penulisan karangan mereka. Sementara itu, jadual 8 menunjukkan 30.4 % (7) yang sangat tinggi tahap metapenulisan, sederhana prestasi penulisan karangan mereka, berbanding (31.4) pelajar bukan Melayu yang sangat tinggi tahap metapenulisan mereka, sederhana prestasi penulisan karangan mereka.

Jadual 8 juga menunjukkan 9.1 % (1) pelajar Melayu yang tinggi tahap metapenulisan mereka mendapat cemerlang dalam penulisan karangan, berbanding 18.2 % (2) pelajar bukan Melayu yang tinggi tahap metapenulisan mereka, cemerlang dalam penulisan karangan.

### Jadual 8

#### Korelasi Tahap Kebolehan Metapenulisan dengan Prestasi Penulisan Mengikut kaum.

Prestasi penulisan karangan pelajar	Tahap kebolehan metapenulisan karangan pelajar mengikut kaum					
	Melayu			Bukan Melayu		
	T	ST	JUM	T	ST	JUM
Sederhana (40-59)	54.5 % (6)	30.4 % (7)	38.2 % (13)	54.5 % (6)	31.4 % (11)	37.0 % (17)
Baik (60-79)	36.4 % (4)	39.1 % (9)	38.2 % (13)	27.3 % (3)	54.3 % (19)	47.8 % (22)
Cemerlang (80-100)	9.1 % (1)	30.4 % (7)	23.5 % (8)	18.2% (2)	14.3 % (5)	15.2 % (7)
Jumlah	100 % (11)	100 % (23)	100 % (34)	100 % (11)	100 % (35)	100 % (46)
$\chi^2 = 2.587$ , df = 2, P = .274				$\chi^2 = 2.571$ , df=2, P = .277		

Dapat juga dilihat daripada jadual 8 bahawa sebanyak 30.4 % (7) pelajar Melayu yang sangat tinggi tahap metapenulisan mereka, mendapat cemerlang dalam penulisan karangan, berbanding 14.3 % 95) pelajar bukan Melayu. Dapatkan ini membayangkan bahawa bagi pelajar Melayu dan bukan Melayu tahap metapenulisan karangan tidak memberi pengaruh terhadap prestasi penulisan karangan.

#### Rumusan

Bab ini telah membincangkan dapanan kajian berdasarkan 19 soalan kajian yang terbit daripada pecahan 4 soalan kajian yang utama. Bacaan telah dibuat berdasarkan analisis peratusan dan frekuensi bagi soalan kajian 1 dan pecahannya. Bagi soalan 2 dan 3 serta pecahannya, bacaan dibuat adalah juga dari segi peratus dan frekuensi berdasarkan analisis dengan menggunakan kaedah jadual silang (*crosstabulation*) bagi melihat hubungan antara dua variabel, begitu juga dengan bacaan bagi soalan 4 , tetapi analisis telah menggunakan kaedah *double crosstabulation* dan korelasi dilihat berdasarkan nilai signifikan  $\chi^2$  pada aras p < 0.05.